

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL  
[JELEBU]**

**TARIKH : 09.06.2014 (ISNIN)**

**TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [ JELEBU ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai mekanisme dan bilangan pegawai yang cukup dalam menentukan barang Kedai 1Malaysia (KR1M) sentiasa mempunyai kualiti yang baik dan setanding dengan kedai-kedai lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kedai Rakyat 1Malaysia atau KR1M berkonsepkan kedai serbaneka yang menyediakan pelbagai barang keperluan isi rumah berjenama **1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR)** dan harga yang ditawarkan adalah sehingga 50% lebih rendah berbanding dengan jenama terkenal dan kualiti tetap diutamakan. Pelaksanaan program KR1M ini adalah merupakan gerakan nasional bagi menangani kos sara hidup dan pada masa yang sama mengekang

kenaikan harga barang di pasaran. Kerajaan menetapkan sasaran sekurang-kurang sebuah KR1M bagi setiap kawasan Parlimen. Sehingga 29 Mei 2014, sebanyak 131 buah KR1M di sebanyak 118 kawasan Parlimen telah beroperasi di seluruh negara.

Sehingga kini, KR1M menawarkan sebanyak 378 pilihan produk 1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR) kepada pengguna. Bagi memastikan kualiti produk terutamanya barang makanan, semua produk 1MKR perlu mematuhi dan memperolehi **persijilan MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri)** daripada Kementerian Kesihatan terlebih dahulu atau persijilan yang lebih tinggi seperti *Hazard Analysis And Critical Control Points* (HACCP) atau *Good Manufacturing Practice* (GMP). Manakala, barang lain perlu mematuhi standard yang telah ditetapkan oleh agensi kerajaan yang berkaitan.

Kementerian mempunyai pegawai-pegawai di peringkat negeri bagi memantau operasi KR1M termasuk barang 1MKR. Di samping itu juga, Kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa audit yang bertujuan untuk menjalankan kerja-kerja pengauditan secara berkala terhadap produk-produk 1MKR bagi memastikan kualiti terjamin.

**NO. SOALAN: 143**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6811**

**SOALAN**

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) butir-butir keanggotaan panel Akta Pencegahan Jenayah (PCA), termasuk nama dan latar belakang mereka; dan
- (b) bilangan orang yang telah ditangkap mengikut jenis jenayah sejak akta ini diwartakan dan apakah sebab bagi penangkapan Tengku Arif Bongsu.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), panel Ahli Lembaga Pencegahan Jenayah adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai integriti yang tinggi dan berpengalaman selama lebih 27 tahun di dalam bidang keselamatan dan merupakan pengamal undang-undang yang bertauliah.**

**Bagi menjawab soalan (b) pula, sejak Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 ini berkuatkuasa mulai 2 April 2014, seramai 132 orang telah ditahan. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci tentang siasatan yang dijalankan kerana ia dikhuatiri akan mengganggu proses siasatan pihak Polis. Bagi sebab penangkapan Tengku Arif Bongsu pula, saya tidak berhasrat mendedahkan secara terperinci tentang siasatan yang dijalankan kerana ia dikhuatiri akan mengganggu proses siasatan pihak Polis.**